



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 603-5520 5200

Laman Web:

<http://www.anm.gov.my/index.php/utama-selangor>

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami : ANM (SEL) G.100-10/3/1 (53)

Tarikh : 20 Oktober 2023

**Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERMOHONAN SALINAN PENYATA GAJI DARIPADA PEJABAT PERAKAUNAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara diatas.

2. Sepertimana yang terkandung di dalam SPANM Bil 5 Tahun 2020: Tatacara Pengurusan Emolumen Pegawai Awam Persekutuan, salinan penyata gaji individu boleh diakses bagi tempoh 18 bulan terkini melalui sistem e-Penyata Gaji. Namun begitu pihak JANM Negeri Selangor mendapati masih terdapat banyak permohonan salinan penyata gaji yang dikemukakan oleh penjawat awam terus ke Pejabat Perakaunan bagi pelbagai tujuan.

3. Sebagai kawalan dalaman, pihak JANM Negeri Selangor menetapkan bahawa permohonan salinan penyata gaji perlu **dikemukakan sebelum 20 haribulan** pada setiap bulan untuk diproses dalam bulan yang sama. Sekiranya permohonan diterima selepas dari tarikh tersebut, permohonan salinan penyata gaji akan diproses pada bulan berikutnya.

4. Permohonan penyata gaji ini perlu dikemukakan melalui Jabatan terakhir pegawai berkhidmat dan pihak Jabatan perlu menyatakan justifikasi bagi setiap permohonan. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan untuk menyimpan rekod salinan penyata gaji dalam tempoh tujuh (7) tahun berdasarkan kepada Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

| NAMA PEGAWAI | NO. TELEFON | EMEL |
|------------------------------------|--------------|----------------------------------------------------------------------------|
| Puan Suryana binti Md Yasin | 03-5520 5322 | suryana.mdyasin@anm.gov.my |
| Puan Rahiza binti Ab Rahim | 03-5520 5303 | rahiza@anm.gov.my |
| Puan Nur Azianie binti Sarijan | 03-5520 5235 | azianie.sarijan@anm.gov.my |
| Puan Siti Zubaidah binti Abd Halim | 03-5520 5220 | zubaidah.halim@anm.gov.my |

6. Kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,



(RUZINAH BINTI RUKUN C.A.(M), CPA(M), CPFA(UK))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor

No.Tel: 03-55205200

Emel: ruzinah@anm.gov.my

Suryana/Unit Gaji